

FUNGSI MANIFES DAN LATEN ENSEMBEL GONDANG BUROGONG PADA KENDURI PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT PASIR PENGARAIAN KABUPATEN ROKAN HULU PROVINSI RIAU INDONESIA

Armansyah Anwar and Mohd Hassan Abdullah

Department of Music
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim-Perak.

Abstrak: Penyelidikan ini bertujuan untuk menjelaskan mana-mana hal yang terkait dengan fungsi manifes dan laten dalam ensemble gondang burogong pada masyarakat Pasir Pengaraian, Kabupaten Rokan Hulu, Provinsi Riau Indonesia. Fungsi manifes dan laten dirujuk pada teori yang dinyatakan oleh Robert K. Merton, untuk selanjutnya diselaraskan dengan teori fungsi muzik yang dinyatakan oleh Alan P. Merriam. Adapun metod yang digunakan iaitu metod penyelidikan kualitatif dengan pendekatan etnomuzikologi dan fenomenologi. Data didapatkan dengan teknik observasi, temu bual, dan kajian dokumen. Sedangkan informan melibatkan dari unsur seniman, budayawan, dan masyarakat pengguna dari ensemble gondang burogong tersebut. Dalam penyelidikan ini telah menunjukkan adanya fungsi manifes dan laten dari ensemble gondang burogong pada kenduri perkahwinan dalam masyarakat Pasir Pengaraian. Fungsi manifes yang dimaksudkan ialah fungsinya sebagai representasi simbolik, sedang fungsi laten yang dimaksudkan ialah fungsinya sebagai keberlangsungan dan kestabilan budaya. Pada akhirnya, bila dicermati dari perspektif fungsi, maka keberadaan dan keberlangsungan ensemble gondang burogong ini di masa hadapan adalah sebuah keniscayaan.

Kata Kunci: *Manifes, Laten, Gondang burogong.*

PENDAHULUAN

Salah satu elemen yang ada di dalam ranah kebudayaan ialah seni muzik. Ianya hadir di setiap kumpulan masyarakat sehinggalah keberadaan muzik tersebut adalah suatu realiti yang ada hingga hari ini. Muzik telah berkembang seiring dengan perkembangan yang ada di masyarakatnya. Terkadang muzik itu dibentuk, namun terkadang juga muzik tersebut boleh membentuk suatu paradigma di dalam masyarakatnya. Muzik telah berkontribusi bagi masyarakat pendukungnya secara nyata di dalam fungsinya sebagai penyokong pelbagai kegiatan budaya, baik itu yang bersifat utama mahupun pendukungan. Oleh kerananya, dapatlah dikatakan bahawa fungsi muzik itu nyata adanya bagi keberlangsungan kebudayaan itu sendiri.

Penjelasan di atas dapat dirasakan pada ensemble muzik tradisional gondang burogong yang ada dalam masyarakat Pasir Pengaraian, Kabupaten Rokan Hulu, Provinsi Riau Indonesia. Gondang burogong telah diguna pakai pada pelbagai kegiatan budaya pada masyarakat Pasir Pengaraian tersebut. Di antara

kegiatan itu adalah kenduri perkahwinan, berkhatan, mandi belimau, penyambutan tamu kehormatan, upacara pemberian gelar adat serta kegiatan budaya lainnya. Namun dalam penyelidikan ini, gondang burogong hanya akan dibahas dalam konteks kenduri perkawinan sahaja.

Perlu disampaikan juga dalam artikel ini kondisi keberadaan ensemble gondang burogong yang ada di Pasir Pengaraian dalam konteks semasa. Satu di antaranya ialah adanya perilaku skeptis dari masyarakat pemiliknya. Hal ini dapat dilihat dengan tidak lagi memilih ensemble gondang burogong yang berasaskan fungsinya selama ini sebagai penyokong suatu kegiatan budaya. Keberadaan ensemble Gondang burogong sudah digantikan dengan kesenian lain yang datang dari luar, sehingga ianya berpengaruh terhadap sakraliti dari kegiatan budaya tersebut.


Ditambah lagi dengan kurangnya minat generasi muda untuk mempelajari muzik tradisional ini, juga dapat dianggap sebagai sikap skeptis dalam bentuk lainnya. Adalah suatu realiti yang ada hingga saat ini para pelaku dari ensemble gondang burogong masih saja

Corresponding Author: Armansyah Anwar, Department of Music, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim-Perak.

didominasi oleh orang-orang tua sahaja. Dari pengamatan yang dilakukan terhadap beberapa kumpulan ensembel gondang burogong, lebih kurang 20% sahaja generasi muda yang tertarik dan mahu belajar muzik tradisional Pasir Pengaraian ini. Kondisi ini dapat diduga akibat dari adanya arus globalisasi yang telah memberikan berbagai alternatif seni muzik lainnya terhadap generasi muda tempatan.

MATERIAL DAN METODOLOGI


Fokus isu dari artikel ini iaitu terkait dengan fungsi dari ensembel gondang burogong dalam masyarakat Pasir Pengaraian. Ini ertinya, pembahasan lebih pada hal-hal yang berkaitan dengan masalah konteks muzikal dari ensembel gondang burogong. Dalam kaitannya dengan fungsi, Kaemmer [1] merujuk sebagaimana yang dijelaskan oleh pakar sosiologi Robert K. Merton perkara *subjective dispositions* dan *objective consequence*. Menurut Merton, *subjective dispositions* ialah motivasi atau perasaan seseorang yang boleh membawa ianya pada perilaku tertentu. Namun bila dikaitkan dengan fungsi, maka Merton lebih menghubungkannya dengan *objective consequences* yang merupakan hasil dari perilaku itu sendiri. Ditambahkan beliau pula, dalam *objective consequences* tersebut terdapat pula *manifest functions* (fungsi yang dapat dikenali dan dijangkakan), serta *latent functions* (fungsi yang tidak diketahui atau samar-samar). Oleh itu, *manifest functions* muncul sebagai *discursive consciousness*, sedangkan *latent functions* muncul sebagai *practical consciousness*. Perhatikan rajah berikut ini:



Rajah 1: Teori fungsi Rober K. Merton

Teori fungsi Merton ini akan dikaitkan dengan teori fungsi muzik sebagaimana yang dinyatakan oleh Alan P. Merrian. Menurut Merrian [2] ada sepuluh fungsi muzik yang ada di dalam masyarakat iaitu: 1) *The function of emotional expression*; 2) *The function of aesthetic enjoyment*; 3) *The function of entertainment*; 4) *The function of communication*; 5) *The function of symbolic representation*; 6) *The function of physical response*; 7) *The function of enforcing conformity to social norms*; 8) *The function of validation of social institutions and religious rituals*; 9) *The function of contribution to the continuity and stability of culture*; dan 10) *The function of contribution to the integration of society*.


Dari sepuluh fungsi muzik di atas, hanya dua sahaja yang akan dikaitkan dengan fokus penyelidikan ini iaitu *the function of symbolic representation* sebagai implementasi dari fungsi manifes dan *the function of contribution to the continuity and stability of the culture* sebagai manifestasi dari fungsi laten. Perhatikan rajah berikut ini:



Rajah 2: Fungsi manifes dan laten pada kenduri perkahwinan

Bila membicarakan fungsi muzik di dalam suatu masyarakat, sesungguhnya sangat berkaitan sekali dengan persolan makna. Kaemmer [1] menjelaskan bahawasanya suatu kumpulan masyarakat mestilah dapat memaknai dari keberadaan muzik tersebut. Perilaku memaknai ini akan melahirkan suatu sikap motivasi ke arah kreatifiti dalam bentuk karya mahupun persembahan. Sehingga pada akhirnya kreatifiti itu akan memberikan kegunaan dan fungsi dari muzik itu dalam kehidupan masyarakatnya. Proses tersebut dapat digambar sebagai berikut:

RELATION OF SOCIETY AND USES AND FUNCTIONS OF MUSIC



Rajah 4: Hubungan kait antara masyarakat dengan kegunaan dan fungsi muzik

Untuk menjelaskan fungsi ensembel gondang burogong ini di masyarakat pemiliknya, maka digunakan metod penyelidikan kualitatif. Patton [3] menjelaskan bahawa, “*Qualitative methods facilitate study of issues in depth and detail. Approaching field-work without being constrained by predetermined categories of analysis contributes to the depth, openness, and detail of qualitative inquiry...*” Lebih terperinci lagi Creswell [4] menambahkan bahawa:

Qualitative research begins with assumptions, a worldview, the possible use of a theoretical lens, and the study of research problems inquiring into the meaning individuals or groups ascribe to a social or human problem. To study this problem, qualitative researchers use an emerging qualitative approach to inquiry, the collection of data in a natural setting sensitive to the people and places under study, and data analysis that is inductive and establishes patterns or themes. The final written report or presentation includes the voices of participants, the reflexivity of the researcher, and a complex description and interpretation of the problem, and it extends the literature or signals a call for action.

Merujuk penjelasan Patton dan Creswell di atas, dengan metod penyelidikan kualitatif ini akan dapat menghuraikan mana-mana hal yang terkait dengan fungsi dari ensembel gondang burogong tersebut. Sedangkan teknik pengumpulan data dalam penyelidikan ini merujuk pada penjelasan Patton [3] sebagai berikut:

Qualitative findings grow out of three kinds of data collection: (1) *in-dept, open-ended*

interviews; (2) direct observation; and (3) written documents. Interviews yield direct quotations from people about their experiences, opinions, feelings, and knowledge. The data from observations consist of detailed descriptions of people’s activities, behaviors, actions, and full range of interpersonal interactions and organizational processes that are part of observable human experience. Document analysis includes studying experts, quotations, or entire passages from organizational, clinical, or program records; memoranda and correspondence; official publications and reports; personal diaries; and open-ended written responses to questionnaires and surveys.

Pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah pendekatan dari perspektif etnomuzikologi dan fenomenologi. Oleh kerana itu, pada penyelidikan ini digunakan metod penyelidikan kualitatif dengan pendekatan etnomuzikologi dan fenomenologi. Bila dilihat dari pendekatan etnomuzikologi sebagaimana disampaikan Nettl [5], maka ranah etnomuzikologi itu terdiri dari tiga kategori, iaitu:

1. Muzik pada masyarakat buta huruf, yang tidak mengembangkan tata cara tulis baca dalam bahasa mereka;
2. Muzik pada masyarakat budaya tinggi dari Asia dan Afrika utara, misalnya China, Jepun, Jawa, Bali, Southwest Asia, India, Iran, wilayah yang berbahasa Arab;
3. Folk muzik, yang boleh didefinisikan sebagai muzik dalam masyarakat tradisi lisan pada beberapa wilayah yang didominasi oleh masyarakat budaya tinggi. Walaupun kategori yang ketiga ini tidaklah disepakati oleh semua para ahli etnomuzikologi.

Pendekatan selanjutnya ialah pendekatan fenomenologi sebagaimana yang dijelaskan oleh Creswell [4] iaitu:

Whereas a narrative study reports the life of a single individual, a phenomenological study describes the meaning for several individuals of their lived experiences of a concept or a phenomenon. Phenomenologists focus on describing what all participants have in common as they experience a phenomenon (e.g., grief is universally experienced).

Terkait dengan pendekatan fenomenologi tersebut, Van Manen sebagaimana yang dikutip Creswell [4],

menjelaskan pula bahwa “The basic purpose of phenomenology is to reduce individual experiences with a phenomenon to a description of the universal essence (a “grasp of the very nature of the thing”). To this end, qualitative researchers identify a phenomenon (an “object” of human experience)”.

PEMBAHASAN

Di dalam ensemble gondang burogong, instrumen musik yang diguna pakai adalah celempong, gong dan gendang silat. Celempong dan gong diperbuat dari material logam¹, sedangkan gendang diperbuat dari material kulit, lazimnya menggunakan kulit kambing betina². Adapun pembahagian dari instrumen yang diguna pakai dalam ensemble gondang burogong tersebut iaitu instrumen celempong sebanyak enam unit, gendang silat dua unit, dan gong satu unit. Ketiga instrumen itu dimainkan dengan cara dipukul. Pada ensemble gondang burogong ini, jumlah pemainnya adalah sebanyak lima orang. Dua orang memainkan celempong, dua orang lagi memainkan gendang silat, dan satu orang lagi memainkan gong. Sebutan untuk dua orang pemain baik itu pada instrumen celempong maupun gendang silat, disebut dengan istilah pemain pelalu dan pemain peningkah [5]. Lihat gambar berikut ini:



Gambar 1: Ensemble gondang burogong (sumber, internet)



Gong



Gendang Silat



Celepong

Gambar 2: Instrumen ensemble gondang burogong (sumber, internet)

Pada kenyataannya, diseminasi muzik tradisional yang sejenis dengan ensemble gondang burogong ini juga terdapat di pelbagai wilayah lain yang ada di Provinsi Riau. Misalnya Kabupaten Kampar, Kuantan Singingi, Rokan Hilir, Siak Sri Indrapura dan Pelalawan. Ensemble muzik ini juga merupakan muzik tradisional bagi masyarakat setempat. Selain itu, ensemble muzik tradisional sejenis ini juga terdapat di wilayah lain di luar dari Provinsi Riau khususnya provinsi yang berada di pulau Sumatera. Di antaranya Provinsi Sumatera Barat, Palembang, Jambi, dan Bengkulu.

Bagi masyarakat Pasir Pengaraian, hampir di setiap acara kenduri perkahwinannya menggunakan ensemble gondang burogong. Lazimnya gondang burogong tersebut difungsikan untuk mengiringi pencak silat. Pencak silat ini merupakan rangkaian prosesi dalam penyambutan pengantin lelaki atau disebut juga dengan mempelai. Sedangkan pengantin perempuan di sebahagian masyarakat lainnya ada juga yang menyebutnya dengan sebutan anak dara. Sewaktu pencak silat ini dilangsungkan, posisi pengantin wanita berada di depan rumah dalam rangka menyambut kedatangan mempelai.

¹Instrumen muzik ini termasuk ke dalam kelompok alat muzik *idiophone*, di mana sumber bunyinya adalah alat muzik itu sendiri.

² Instrumen muzik ini termasuk ke dalam kelompok alat muzik *membranophone*, di mana sumber bunyinya adalah dari kulit.



Gambar 3: Pencak silat pada penyambutan pengantin laki-laki (sumber, internet)

Dalam prosesi penyambutan ini, keberadaan ensemble gondang burogong tersebut adalah menjadi bagian dari pengantin wanita. Itulah sebabnya posisi gondang burogong tersebut sejak awal sudah berada di rumah pihak pengantin wanita. Sedangkan untuk mengiringi atau disebut juga dengan arak-arakan pengantin lelaki, lazimnya digunakan burudah (burdah)³ atau kompong. Jadi dengan demikian, di dalam prosesi kenduri perkahwinan dalam masyarakat Pasir Pengaraian Kabupaten Rokan Hulu, lazimnya terdiri dari dua kelompok muzik yang menyertainya. Ensemble muzik burudah atau kompong sebagai pengiring pengantin lelaki, sedangkan gondang burogong sebagai pendamping pengantin wanita. Artinya yang disambut dengan prosesi pencak silat dengan menggunakan gondang burong itu adalah prosesi penyambutan untuk pengantin lelaki [6].

Repertoir⁴ gondang burogong yang dimainkan dalam prosesi ini tidaklah khusus, namun bergantung pada kesepakatan dari pemain gondang burogong itu sendiri dan waktu yang diberikan pada prosesi penyambutan tersebut. Adapun repertoir yang lazimnya dimainkan dalam ensemble gondang burogong adalah *satu-satu*, *duo-duo*, *tigo-tigo*, *sendayung*, *tak tuntuong*, *ratik ateh kubuo*, *duo-duo beranak*, dan *kubik-kubik*. Namun dalam konteks penyambutang pengantin laki-laki pada kenduri perkahwinan ini, hanya dimainkan beberapa repertoir sahaja. Lazimnya repertoir yang dimainkan iaitu *duo-duo* dan *sendayung* [6].

Kesadaran masyarakat untuk memfungsikan gondang burogong dalam kenduri perkahwinan mereka, adalah salah satu wujud dari sikap *subjective disposition* sebagaimana yang dimaksudkan oleh Merton. Sikap ini menjadi bahagian penting yang harus ada oleh setiap masyarakat Pasir Pengaraian bilamana ianya mahu menyelenggarakan suatu kenduri perkahwinan.

Paradigma yang telah berlaku ini, berlandaskan pada hukum adat yang ada di masyarakat. Adanya hukum adat, baik yang tertulis mahupun yang tidak tertulis, adalah sesuatu yang mesti dipatuhi. Bagi sesiapa yang tidak menjalankan hukum adat istiadat sebagaimana mestinya, diyakini oleh masyarakat setempat akan mendapatkan sanksi sosial. Dalam kaitannya dengan penggunaan gondang burogong ini, sanksi sosial itu paling kurang dalam bentuk sindiran dari masyarakat kepada pihak yang menyelenggarakan kenduri perkahwinan tersebut. Oleh kerana itu, hingga kondisi semasa gondang burogong masih tetap difungsikan sebagaimana lazimnya.

Keberadaan gondang burogong sebagai fungsinya untuk pengiring pencak silat ini, sudah menjadi kelaziman bagi masyarakat Pasir Pengaraian bilamana ianya ingin menyelenggarakan kenduri perkahwinan. Walaupun terkadang kondisi ekonomi juga menjadi bahagian yang perlu diambil kira oleh masyarakat bila ingin memanggil suatu kumpulan gondang burogong pada kenduri perkahwinan mereka. Hal ini terjadi pada situasi semasa, lazimnya pemanggilan suatu kumpulan gondang burogong itu menuntut adanya bayaran yang telah disepakati. Sedangkan dahulunya pemanggilan suatu kumpulan gondang burogong tidaklah menuntut secara pasti terkait dengan pembayarannya [5].

Impak dari sikap *subjective disposition* ini telah mewujudkan pula *objective consequence* bagi ensemble gondang burogong di dalam masyarakatnya dalam bentuk *manifest function* dan *latent function*. Bila diamati pada prosesi kenduri perkahwinan dalam masyarakat Pasir Pengaraian tersebut, jelas terlihat bahawa fungsi gondang burogong itu masuk ke dalam kategori fungsi manifes dalam bentuk sebagai representasi simbolik. Fungsi representasi simbolik yang dimaksudkan di sini ialah, gondang burogong telah menjadi simbol identiti bahawa yang sedang menyelenggarakan kenduri perkahwinan tersebut adalah masyarakat Rokan Hulu. Keberadaan gondang burogong jelas terlihat pada kenduri perkahwinan tersebut.

Selain dari itu, ianya juga dapat dilihat dari fungsi laten dalam bentuk fungsinya sebagai kontribusi keberlangsungan dan kestabilan budaya. Maksudnya ialah, secara tidak langsung keberadaan gondang burogong tersebut dalam kenduri perkahwinan itu adalah salah satu usaha untuk melestarikan seni budaya yang telah ada di masyarakatnya. Bilamana gondang burogong tidak disertakan dalam prosesi tersebut, maka kelaziman yang selama ini dilakukan dalam penyambutan pengantin laki-laki bagi masyarakat Pasir Pengaraian akan berkurang substansinya. Dengan arti kata, keberadaan gondang burogong telah menyatu padu

³ Ensemble muzik yang terdiri dari instrumen muzik perkusi dan vokal.

⁴ Masyarakat setempat menamakan setiap repertoir yang dimainkan ini dengan penyebutan lagu.

dalam kegiatan prosesi penyambutan pengantin lelaki tersebut. Selain itu juga, keberadaan gondang burogong dalam konteks ini tidak dapat digantikan dengan kesenian lainnya. Itulah sebabnya gondang burogong dapat dikatakan telah berkontribusi dalam keberlangsungan dan kestabilan budaya masyarakat Pasir Pengaraian sebagaimana dimaksud.

KESIMPULAN

Dari huraian singkat di atas, maka dapatlah dilihat bahawa fungsi ensembel gondang burogong pada kenduri perkahwinan dalam masyarakat Pasir Pengaraian Kabupaten Rokan Hulu, sangat mutlak dan mustahak adanya. Gondang burogong sudah menjadi bahagian penting dalam konteks mengiringi pencak silat dalam rangka penyambutan mempelai pria, serta ianya tidak dapat digantikan dengan bentuk iringan lainnya. Hal ini dikeranakan justeru akan mengurangi esensi dari prosesi penyambutan tersebut.

Fungsi gondang burogong dalam kenduri perkahwinan dapat dilihat dari dua hal iaitu fungsi manifes dan laten. Fungsi manifes berwujud dalam bentuk keberadaan gondang burogong sebagai simbol identiti dari masyarakat Pasir Pengaraian. Hadirnya gondang burogong pada kegiatan tersebut, secara tidak langsung telah mengkhabarkan bahasa yang sedang menyelenggarakan kenduri perkahwinan itu ialah masyarakat Pasir Pengaraian. Sedangkan fungsi laten dari gondang burogong tersebut, dapat pula dilihat secara implisit ianya telah berkontribusi demi keberlangsungan dan kestabilan budaya bagi masyarakat pemilik kesenian itu. Difungsikannya gondang burogong di setiap kenduri perkahwinan, tentulah memberikan impak bagi keberlangsungan dan kestabilan dari gondang burogong tersebut. Untuk selanjutnya akan berkontribusi bagi keberlangsungan dan kestabilan budaya tempatan.

Sebagai konklusi, dalam penyambutan mempelai pada kenduri perkahwinan di masyarakat Pasir Pengaraian, Kabupaten Rokan Hulu, Provinsi Riau-Indonesia ini, dapatlah dinyatakan bahawa fungsi manifes dan laten secara simultan telah berlaku satu sama lainnya.

RUJUKAN

- [1] Kaemmer, E. J. (1993). *Music in Human Life*. Austin: University of Texas Press.
- [2] Merriam, P. A. (1964). *The Anthropology of Music*. Evanston, Illinois: Northwestern University Press.
- [3] Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods* (3rd ed.). London: Sage Publications.
- [4] Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches* (2nd ed.). London: Sage Publications.
- [5] Amrizal : Seniman pelaku ensemble gondang burogong
Usia : 49 tahun
Pekerjaan : Seniman dan petani
Tempat tinggal : Pasir Pengaraian, Rokan Hulu
- [6] Firman Wira Yuda : Seniman pelaku ensemble gondang burogong
Usia : 25 tahun
Pekerjaan : Seniman
Tempat tinggal : Pasir Pengaraian